

18 JUN 1999

Umno-Usul (Annuar)

PENJELASAN PRESIDEN PATUT HILANGKAN KERAGUAN MENGENAI KONSPIRASI

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Penjelasan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada perasmian perhimpunan agung Umno hari ini sepatutnya menghilangkan keraguan anggota-anggota parti berhubung dakwaan wujudnya konspirasi terhadap bekas timbalan perdana menteri itu.

"(Selepas penjelasan itu) tidak boleh ada lagi orang Anwar Ibrahim... kita perlu bergabung dalam satu barisan Umno," kata Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa, semasa menyokong usul Ucapan Dasar Presiden di sini, petang ini.

Beliau berkata mereka tidak mempunyai pilihan lain sekarang tetapi merapatkan barisan dan mengukuhkan perpaduan.

Annuar, yang mewakili Umno Kelantan, juga menceritakan tiga insiden yang membuktikan tidak ada sebarang konspirasi dilakukan terhadap Anwar.

Insiden pertama berlaku semasa pertandingan peringkat bahagian pada 1995 dan ramai yang bertanding merebut jawatan Ketua Bahagian berkata mereka disuruh oleh Anwar dan ada pula yang berkata mereka disuruh Dr Mahathir.

Fenomena itu wujud seolah-olah kerana ada restu daripada pemimpin peringkat tertinggi, kata Annuar, yang turut memaklumkan Dr Mahathir mengenai perkara itu.

"Perdana Menteri memberitahu saya, `Annuar, saya sudah ada banyak timbalan, sebelum ini Datuk Musa (Hitam), (Tun) Abdul Ghafar (Baba). Kalau saya bermasalah lagi dengan timbalan saya, orang akan kata bukan timbalan saya yang menimbulkan masalah tetapi saya yang bermasalah'," katanya.

Annuar berkata insiden kedua pula berlaku dalam pemilihan Ketua Pemuda Umno pada 1996, yang beliau turut bertanding merebut jawatan itu, apabila bekas timbalan presiden parti itu memberi sokongan kepada calon tertentu.

Insiden ketiga ialah ketika beliau mengikuti rombongan Perdana Menteri melawat Amerika Latin dan beliau melihat banyak majalah asing yang memaparkan berita memuji Anwar dan seolah-olah merendahkan Perdana Menteri.

Menurut Annuar beliau menyatakan kepada Perdana Menteri bahawa wujud fenomena mengangkat Anwar sebagai orang yang disokong kuasa asing.

"Perdana Menteri cuma menjawab, `Balik dan perkukuhkanlah barisan parti. Pihak luar memang mahu melihat kita berpecah-belah'," katanya.

Annuar berkata insiden-insiden itu bersifat peribadi dan sulit tetapi beliau bertanggungjawab untuk menyatakannya kerana yakin bahawa tidak mungkin ada konspirasi untuk menjatuhkan bekas timbalan perdana menteri itu.

"Dr Mahathir hanya memikirkan tentang kepentingan agama, bangsa dan negara," katanya.

-- BERNAMA

SBJ NAK